



**ISMAIL (lima kanan) menyampaikan cenderamata kepada Wasimin di Wisma Kastam Labuan kelmarin.**

UB 11.4.2013 B3

## **Hubungan baik UMSKAL dan Kastam diteruskan**

**LABUAN:** Universiti Malaysia Sabah, Kampus Anatarabangsa Labuan (UMSKAL) akan meneruskan hubungan baik yang sedia terjalin dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata hubungan baik antara kedua-dua jabatan kerajaan itu sangat penting untuk manfaat kakitangan dan mahasiswa universiti berkenaan.

Beliau tidak lupa menyampaikan salam dan ucapan terima kasih Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said atas komitmen dan kerjasama yang diberikan Jabatan Kastam selama ini.

Ismail juga mengalukan pegawai dan kakitangan Kastam untuk mengadakan sebarang aktiviti termasuk ceramah, seminar dan persidangan serta sukan dan riadah di UMS Labuan.

"Kita juga mengalukan pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam Labuan untuk melanjutkan pelajaran di UMS melalui program pengajian luar kampus," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Pengarah Jabatan

Kastam Labuan, Wasimin Daiman di Wisma Kastam, kelmarin. Turut hadir Penolong Kanan Pengarah Kastam, Mirani Majidi dan Penolong Pengarah Kastam, Alina Ambang.

Rombongan UMSKAL disertai Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah, Ketua Unit Perhubungan Korporat, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Pustakawan Kanan, Baharin Entoh, Penolong Pendaftar HEP, Suffian Osman, Penolong Akautan Kanan, Ruby Zawati Timbang dan Penolong Jurutera Kanan, Mohd Azrie Ag Tanjong.

Ismail juga berharap pegawai jabatan itu memantau mahasiswa yang menjalani latihan praktikal di Jabatan Kastam bagi memastikan prestasi mereka berada pada tahap yang memuaskan sekaligus menjaga imej universiti.

Sementara itu, Wasimin berkata mahasiswa yang menjalani latihan praktikal di Jabatan Kastam akan diminta mengikuti semua aktiviti supaya mereka mengetahui peranan sebenar jabatan itu.

"Selepas mereka menjalani latihan praktikal di Jabatan Kastam, mereka akan dijadikan duta Kastam bagi membantu menjelaskan kepada orang ramai peranan jabatan kerajaan itu," katanya.